



Salam Sejahtera..

Setinggi-tinggi kesyukuran kerana tahun 2017 telah berjaya diharungi dengan penuh dedikasi dan jayanya. Sempena kita melangkah masuk ke tahun baru 2018 ini, saya ingin mengucapkan selamat tahun baru kepada semua warga BPTK dengan tekad dan azam yang baru. Semoga permulaan pada tahun baru ini, akan memberi keazaman dan semangat yang lebih kental serta dengan penuh iltizam untuk kita sama-sama mencorak dan meningkatkan prestasi demi memenuhi kehendak pelanggan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan Bahagian ini.

Sepanjang tahun 2017, pelbagai pencapaian telah dicapai oleh BPTK yang seharusnya dikongsi bersama. Di antara pencapaian itu adalah BPTK berjaya mencapai 2 sasaran *Key Performance Index* (KPI) YB Menteri Kesihatan tahun 2017 iaitu:

- i) Pembangunan Blueprint PT&K 2018-2027 (Kesihatan), dan
- ii) Sasaran pengamal yang menghadiri taklimat akta PT&K adalah melebihi sasaran (3485 pengamal daripada sasaran 1600 orang) dan 98% pengamal mendapat pensijilan lulus soal selidik “Kewajipan pengamal PT&K yang berdaftar (dibawah Akta PT&K 2016)”

Majlis PT&K telah berjaya ditubuhkan dan Mesyuarat Majlis PT&K kali pertama telah bersidang pada 16 Januari 2017, dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah. Bagi tahun 2017, 5 sesi mesyuarat telah diadakan dan sejumlah 27 kertas pertimbangan dan makluman telah dibentangkan. Daripada jumlah tersebut, 25 kertas pertimbangan dan makluman berjaya mendapat persetujuan anggota Majlis PT&K dan selebihnya masih dalam proses perbincangan.

Dalam proses penguatkuasaan Akta 775 secara berfasa, 2 perintah telah disiarkan di dalam Warta pada 28 Julai 2017, iaitu Perintah Perubatan Tradisional dan Komplementari (Bidang Amalan Diiktiraf) 2017; dan Perintah Perubatan Tradisional dan Komplementari 2017 (Penetapan Badan Pengamal). Kedua-dua perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2017. Sistem e-Pengamal yang mula dibangunkan

pada Mac 2016 juga berjaya disiapkan pada Mac 2017. Ia merupakan satu sistem pendaftaran pengamal PT&K atas talian yang bakal digunapakai apabila pendaftaran pengamal PT&K dimulakan.

Selain itu, dalam usaha menjayakan proses penguatkuasaan Akta 775, BPTK turut berkolaborasi dengan organisasi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pihak universiti dan juga badan pengamal. Hasil kerjasama dengan pihak JAKIM, Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI) berjaya ditubuhkan. Di samping itu, kerjasama dengan Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS) dan Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia (MPHM) berjaya menghasilkan satu draf Modul Pembangunan Kapasiti Bagi Pengamal Homeopati.

Melalui aktiviti penguatkuasaan, BPTK buat pertama kali telah berjaya menyelesaikan 3 siasatan kes iklan di bawah Seksyen 4A Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 sehingga ke peringkat pendakwaan di mahkamah. Walaupun Akta PT&K 2016 masih belum dikuatkuasakan sepenuhnya, namun langkah awal telah diambil dengan mendekati pengamal PT&K secara langsung dengan menjalankan aktiviti lawatan pendidikan. Selain itu juga, aduan yang disalurkan kepada Bahagian ini telah berjaya dikendalikan dimana lebih daripada 70 kes aduan yang diterima sepanjang tahun 2017 berjaya dikendalikan dan diberi maklum balas dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Dalam memastikan perkembangan amalan PT&K di fasiliti kesihatan awam terus diperkasa, pada tahun lepas BPTK telah menerima deputasi 2 orang pengamal perubatan tradisional India (PTI) hasil kerjasama hubungan 2 hala antara Kerajaan Malaysia dan India dalam bidang PT&K. Salah seorang pengamal PTI (Ayurveda) kini berkhidmat di Hospital Port Dickson (HPD) dan Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) manakala seorang lagi pengamal PTI (Siddha) telah ditempatkan di Hospital Sungai Buloh.

Untuk tahun 2017, BPTK telah menerbitkan 2 laporan kajian dan 1 garis panduan iaitu:

- i) Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan di Unit-Unit PT&K Fasiliti Kesihatan Kerajaan 2017;
- ii) Laporan Kajian Keratan Rentas Eksploratori Bagi Mengkaji Amalan Perubatan Tradisional Melayu dalam Penjagaan Ibu-Ibu Selepas Bersalin di Kelantan, Malaysia; dan
- iii) Garis Panduan Amalan Akupunktur (Edisi Ketiga).

Selain itu juga, BPTK telah membangunkan laman portal rasmi yang baru dengan paparan dan spesifikasi yang lebih menarik dan mesra pengguna.

Tahun lalu juga telah membuktikan kemampuan kita dalam pengurusan akauntabiliti di mana kesemua bajet kewangan bagi pembangunan modal insan dan operasi

telah berjaya diurus dan dibelanjakan dengan baik. Di samping merancang pembangunan fizikal, pembangunan modal insan juga turut diberi perhatian. Dalam usaha kita meningkatkan produktiviti dan penambahbaikan prosedur kerja, kita juga telah sama-sama meningkatkan motivasi dan pembinaan imej diri melalui beberapa kursus sendiri dan *softskill* seperti Kursus Pengurusan Emosi & Konflik, Kursus Etika & Pengendalian Telefon dan Bengkel Pemantapan Strategi Berpasukan & Kecemerlangan Organisasi. Selain itu, dalam usaha meningkatkan kompetensi dan pengetahuan anggotanya, seramai 3 orang pegawai daripada Bahagian ini telah mengikuti program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Luar Negara (jangka pendek) dalam bidang Perubatan Tradisional Cina di Beijing, China manakala 2 orang pegawai telah berjaya mendapat tajaan bagi melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana di luar negara.

Sempena tahun baru ini, marilah kita sama-sama memperkasakan azam baru dengan mengorak langkah dan mempergiatkan lagi penglibatan semua anggota BPTK melalui semangat kerjasama berpasukan ke arah mencapai visi dan misi Bahagian ini. Kita perlu berusaha lebih keras dalam menjayakan penguatkuasaan Akta 775 dalam beberapa agenda penting pada tahun ini antaranya penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama (*Joint Technical Committee, JTC*), pemurnian Draf Peraturan PT&K 2018, pembangunan pelan perancangan industri PT&K dan merangka pelan transformasi perkhidmatan PT&K di peringkat penjagaan kesihatan primer.

Saya juga ingin menyeru supaya kita semua menjadikan permulaan tahun baru ini sebagai titik permulaan kita bersama-sama menuju ke arah yang lebih baik. Kejayaan yang telah kita kecapai pada tahun lalu bukan bermakna kita sudah boleh merasa selesa dan bangga dengan keadaan tersebut malah kita harus mempertingkatkan lagi usaha untuk mencapai tahap yang lebih cemerlang pada tahun ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru dan terima kasih kepada seluruh warga BPTK di atas komitmen dan dedikasi yang telah disumbangkan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Semoga tahun 2018 ini kita dapat melaksanakan segala tugas dan mandat yang diberikan dengan penuh dedikasi dan berintergriti.

Sekian, terima kasih.

Dr. Goh Cheng Soon
Pengarah
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia

3 Januari 2018